



Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah product yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Merchantrade Insure Xtra

NOTIS PENTING

Ini adalah Polisi Merchantrade Insure Extra Anda. Sila baca Polisi ini dengan teliti bersama dengan Jadual Polisi bagi memastikan Anda memahami terma-terma dan syarat-syarat serta Perlindungan yang Anda perlukan ditawarkan di dalam Polisi ini. Sekiranya Anda ingin membuat sebarang pertanyaan selepas membaca dokumen ini, sila hubungi penasihat insurans Anda atau Generali Insurance Malaysia Berhad. Sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap diri Anda yang mungkin memberi kesan kepada perlindungan yang diberikan, sila maklumkan kepada Kami secepat mungkin, atau Anda mungkin tidak akan menerima manfaat-manfaat penuh Polisi ini.

Sekiranya atas sebab-sebab tertentu, Anda tidak berpuas hati dengan khidmat yang telah Anda terima daripada Kami, Anda boleh:-

1. Sebagai langkah pertama, sila tulis kepada Pusat Khidmat Pelanggan Kami di alamat yang terkini. Atau, Anda boleh menghantar e-mel ke: customer.service.gi@generali.com.my
2. Sekiranya Anda masih tidak berpuas hati dengan penyelesaian yang diberi, Anda boleh:
 - (a) merujuk kepada:
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan - Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel: (603) 2272 2811 Fax: (603) 2272 1577
 - (b) mengemukakan aduan / maklum balas Anda kepada Laman Informasi, Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia; atau menelefon BNMTELELINK di 1-300-88-5465; atau faksimile ke 03-21741515; atau e-mel kepada bnmtelelink@bnm.gov.my; atau menghantar surat ke P.OBox 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Polisi ini dikeluarkan berdasarkan pembayaran premium seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi dan berdasarkan jawapan yang diberikan dalam Borang Cadangan Anda (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) dan mana-mana pendedahan yang telah Anda buat di antara waktu penyerahan Borang Cadangan Anda (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) dan pada masa perjanjian ini dibuat. Jawapan dan segala kenyataan yang diberikan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans di antara Anda dan Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan Anda atau mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedi sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan terpakai.

Polisi ini menggambarkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui di antara Anda dan Kami.

KELAYAKAN DAN SKOP

1. Orang yang Layak

Orang yang layak untuk dilindungi di bawah Polisi ini mestilah:-

- (a) berumur antara lapan belas (18) dan enam puluh lima (65) tahun dan Polisi boleh diperbaharui sehingga tujuh puluh lima (75) tahun.
- (b) warganegara Malaysia
- (c) Residen Tetap Malaysia
- (d) seorang Pemegang Pas Pekerjaan Malaysia dan/atau pemegang permit kerja, pas lawatan sosial jangka panjang atau pas pelajar yang sah

2. Wilayah Geografi

Semua manfaat yang diperuntukkan di dalam Polisi ini diterima pakai di seluruh dunia selama dua puluh empat (24) jam sehari

OPERASI INSURANS

Bagi Manfaat di bawah **Seksyen A (Kematian Akibat Kemalangan)** dan **Seksyen B (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan)**, Perlindungan berkuat kuasa apabila Polisi dikeluarkan.

Bagi Manfaat di bawah **Seksyen C (Elaun Hospital & Elaun Hilang Upaya Sementara)** dan **Seksyen D (Manfaat Tambahan)**, Perlindungan untuk Penyakit/Jangkitan Anda yang diperuntukkan oleh Polisi ini bermula enam puluh (60) hari selepas Pihak Diinsuranskan telah dimasukkan dalam Polisi (Tempoh Menunggu), kecuali Kecederaan yang diakibatkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan yang dilindungi berlaku selepas tarikh Perlindungan yang berkuat kuasa.

DEFINISI-DEFINISI AM POLISI

Sebarang perkataan atau ungkapan, yang mempunyai maksud tertentu, hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan perkataan atau ungkapan yang terdapat dalam Polisi dan/atau Jadual Manfaat.

TERMA	MAKSUD
1. Kemalangan	bermaksud sesuatu kejadian malang yang berlaku secara tiba-tiba dan di luar jangkaan.
2. Kematian Akibat Kemalangan	bermaksud kematian disebabkan oleh Kemalangan.
3. Perlindungan	bermaksud takat perlindungan insurans yang ditawarkan oleh Polisi ini.
4. Hilang Upaya	bermaksud Penyakit/Jangkitan atau seluruh Kecederaan yang timbul daripada sebab tunggal atau siri yang berterusan.
5. Doktor/Pakar Perubatan/Pakar Bedah	bermaksud seorang pengamal perubatan berdaftar yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang dalam memberikan Rawatan sedemikian, mengamalkan dalam skop pelesenan dan latihannya dalam kawasan geografi pengamalannya, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan diri Pihak Diinsuranskan sendiri.
6. Hospital	bermaksud mana-mana institusi sah yang beroperasi dua puluh empat (24) jam sehari untuk penjagaan dan rawatan orang yang cedera dengan kemudahan teratur termasuk tetapi tidak terhad kepada diagnosis, pembedahan, perkhidmatan kejururawatan dan penyeliaan perubatan, tetapi tidak termasuk institusi yang digunakan sebagai pusat penjagaan, pusat pemulihan, penjagaan geriatrik, penjagaan mental, pemulihan atau penjagaan lanjutan, dan/atau penjagaan atau rawatan ketagihan alkohol atau dadah.
7. Kemasukan Hospital/ Dimasukkan Ke Hospital	bermaksud kemasukan ke Hospital sebagai Pesakit Dalam yang didaftarkan untuk Rawatan Perubatan Yang Perlu untuk Hilang Upaya yang dilindungi atas saranan Doktor. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai Pesakit Dalam jika pesakit tidak duduk di Hospital secara fizikal untuk keseluruhan tempoh penahanan.
8. Kecederaan	bermaksud kecederaan tubuh yang diakibatkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan dan bebas daripada sebab-sebab lain.
9. Penyakit/Jangkitan	bermaksud keadaan fizikal yang ditandakan dengan sisihan patologi berbanding keadaan biasa yang sihat.
10. Pesakit Dalam	merujuk kepada kemasukan semalaman anda ke Hospital untuk menerima Rawatan.
11. Kerugian	bermaksud sebarang Kecederaan yang Anda alami akibat berlakunya sebarang Kemalangan.
12. Kehilangan Fungsi	bermaksud kehilangan fungsi anggota badan yang kekal dan tidak dapat dipulihkan.
13. Perlu Dari Segi Perubatan	Bermaksud perkhidmatan perubatan yang:- (a) konsisten dengan diagnosis dan Rawatan perubatan yang lazim untuk Hilang Upaya yang dilindungi, dan (b) mengikut standard amalan perubatan yang baik, konsisten dengan standard manfaat-manfaat penjagaan perubatan profesional terkini, dan manfaat-manfaat perubatan yang terbukti, dan (c) bukan untuk kemudahan Pihak Diinsuranskan atau Pakar Perubatan, dan tidak dapat diberi pelepasan keluar dari Hospital dengan mudah (jika dimasukkan sebagai Pesakit Dalam), dan (d) bukan untuk percubaan, penyiasatan atau penyelidikan, pencegahan atau pemeriksaan.
14. Kekal	bermaksud suatu keadaan yang telah berlanjutan selama dua belas (12) bulan berturut-turut atau lebih dan pada tamat tempoh tersebut, tiada harapan untuk bertambah baik.
15. Hilang Upaya Menyeluruh Kekal	kecederaan yang berlanjutan selama dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh Kemalangan, dan menghalang sepenuhnya orang yang dilindungi di bawah Polisi ini daripada bekerja dalam apa-apa jenis pekerjaan dan dimana tiada harapan untuk pulih.
16. Tempoh Insurans	bermaksud tempoh insurans yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.
17. Polisi	merangkumi secara kolektif, dokumen ini, Jadual Manfaat, Jadual Polisi, Sijil Insurans dan semua Endorsmen yang disenaraikan di dalam Jadual Polisi.
18. Tahun Polisi	bermaksud tempoh satu (1) tahun termasuk tarikh mula berkuat kuasanya Insurans dan serta-merta selepas tarikh tersebut, atau satu (1) tahun selepas Pembaharuan Polisi/Polisi Diperbaharui.
19. Premium	bermaksud jumlah pembayaran tertentu yang diperlukan secara berkala oleh Kami untuk memperuntukkan Perlindungan di bawah Polisi ini bagi Manfaat-Manfaat yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

20. Pembaharuan Polisi/ Polisi Yang Diperbaharui	bermaksud Polisi yang telah diperbaharui tanpa penghentian masa apabila tamat tempoh Polisi terdahuludengan kandungan yang sama.
21. Jadual Manfaat	bermaksud senarai Manfaat dan Jumlah Diinsuranskan.
22. Pakar	bermaksud seorang pengamal perubatan atau pergigian berdaftar yang berkelayakan dan berlesen dalam kawasan geografi pengamalannya di mana Rawatan diberikan dan diklasifikasikan sebagai oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkenaan sebagai orang yang memiliki kepakaran tinggi dan khas dalam bidang perubatan atau pergigian yang tertentu, tetapi tidak termasuk pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan diri Pihak Diinsuranskan sendiri.
23. Jumlah Diinsuranskan/Had Liabiliti	bermaksud jumlah yang dinyatakan untuk setiap Manfaat yang ditetapkan dalam Jadual Manfaat iaitu jumlah maksimum yang akan Kami bayar sekiranya berlaku tuntutan. means the amount specified against each of the Benefits as stipulated in the Schedule of Benefits which is th
24. Rawatan	bermaksud prosedur pembedahan atau perubatan yang dijalankan oleh Pakar (selain untuk prosedur diagnostik).
25. Perbuatan Menyalahi Undang-Undang	merujuk kepada mana-mana perbuatan yang merupakan suatu kesalahan atau menyalahi undang-undang atau kaedah-kaedah kawasan geografi di mana perbuatan itu dilakukan. Perbuatan menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada memandu kenderaan bermotor tanpa lesen sah, melebihi had laju semasa memandu, memandu di bawah pengaruh alkohol dan secara umumnya tidak mematuhi atau melanggar Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Perbuatan menyalahi undang-undang juga termasuk sebarang penyertaan dalam sebarang jenayah atau bertidak sebagai aksesori kepada sebarang jenayah atau cubaan jenayah atau kesalahan.
26. Tempoh Menunggu	bermaksud enam puluh (60) hari pertama di antara bermulanya Penyakit/Jangkitan Anda dan tarikh/pengembalian semula Polisi ini dan hanya diterima pakai orang itu mula dilindungi. Ini tidak akan diterima pakai selepas tahun pertama perlindungan. Walau bagaimanapun, jika terdapat penghentian masalah dalam insurans, Tempoh Menunggu akan dikenakan lagi.
27. Kami	Bermaksud GENERALI INSURANCE MALAYSIA BERHAD.
28. Anda/Pihak Diinsuranskan/ Pemegang Polisi	bermaksud orang yang dinamakan sebagai Pemegang Polisi di dalam Jadual Polisi dan orang yang Polisi ini dikeluarkan untuk Perlindungan.

JADUAL MANFAAT-MANFAAT

Manfaat-Manfaat		Had	Jumlah Diinsuranskan
SEKSYEN A KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN			
Manfaat A1	Kematian Akibat Kemalangan	Setiap Dewasa	RM9,000
SEKSYEN B HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN			
Manfaat B1	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan (seperti Skala Manfaat Hilang Upaya Kekal)	Setiap Dewasa	RM9,000
SEKSYEN C ELAUN HOSPITAL & ELAUN HILANG UPAYA SEMENTARA (Maksimum Setiap Tahun)			
Had Bergabung Maksimum Tahunan untuk Seksyen C			RM2,000
Manfaat C1	Elaun Hospital- sehingga empat puluh (40) hari	Setiap Dewasa Setiap 24 Jam Yang Lengkap	RM50
Manfaat C2	Elaun Hilang Upaya Sementara - sehingga seratus (100) hari	Setiap Dewasa Setiap 5 Hari Yang Lengkap	RM100
SEKSYEN D MANFAAT TAMBAHAN (Setiap Hilang Upaya)			
Manfaat D1	Elaun Pengebumian	Setiap Dewasa	RM2,000
Manfaat D2	Bayaran Ambulans Tempatan	Setiap Dewasa	RM1,000
Manfaat D3	Prostesis	Setiap Dewasa	RM1,000

KETERANGAN MANFAAT-MANFAAT

Notis Penting: Manfaat-manfaat yang diterangkan di bawah mungkin tertakluk kepada had maksimum. Sila semak Jadual Manfaat-Manfaat untuk maklumat lanjut.

SEKSYEN A: KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Manfaat A1 – Kematian Akibat Kemalangan

Kami akan membayar pampasan yang diperuntukkan dalam Jadual Manfaat-Manfaat, sekiranya dalam Tempoh Insurans Anda mengalami Kecederaan tubuh diakibatkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan Kematian dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh Kemalangan. Jumlah yang perlu dibayar akan dibahagikan secara purata dan bayaran akan dikeluarkan secara bulanan untuk tempoh enam (6) bulan

RM1,500 X 6 bulan = RM9,000 (Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan bagi setiap Dewasa)

SEKSYEN B: HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN

Manfaat B1 – Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

Apabila Kecederaan tubuh yang dialami diakibatkan oleh Kemalangan yang tidak mengakibatkan kematian Anda, tetapi mengakibatkan Hilang Upaya Menyeluruh Kekal dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh Kemalangan, Kami akan membayar pampasan yang diperuntukkan di dalam Jadual Manfaat- Manfaat berdasarkan peratusan yang diterangkan di dalam Skala Manfaat-Manfaat Hilang Upaya Kekal berikut:

Skala Manfaat-Manfaat Hilang Upaya Kekal	Peratus Jumlah Diinsuranskan
Hilang Upaya Menyeluruh Kekal	100%
Lumpuh menyeluruh (dari leher ke bawah)	100%
Kehilangan atau Kehilangan Fungsi satu atau kedua-dua tangan	100%
Kehilangan atau Kehilangan Fungsi satu atau kedua-dua kaki	100%
Kehilangan atau Kehilangan Fungsi satu atau kedua-dua mata	100%

SEKSYEN C: ELAUN HOSPITAL & ELAUN HILANG UPAYA SEMENTARA

Manfaat C1 – Elaun Hospital

Kami akan membayar jumlah yang diperuntukkan dalam Jadual Manfaat-Manfaat untuk setiap dua puluh empat (24) jam, sekiranya dalam Tempoh Insurans Anda Dimasukkan Ke Hospital sebagai Pesakit Dalam untuk Rawatan bagi Hilang Upaya yang dilindungi, akibat Kemalangan atau jika Kemasukan Hospital anda disebabkan oleh Penyakit/Jangkitan yang dilindungi, sehingga maksimum empat puluh (40) hari bagi mana-mana satu Tahun Polisi.

Manfaat C2 - Elaun Hilang Upaya Sementara

Kami akan membayar jumlah yang diperuntukkan dalam Jadual Manfaat-Manfaat untuk setiap selang lima (5) hari, sehingga maksimum seratus (100) hari, sekiranya dalam Tempoh Insurans Anda hilang upaya sepenuhnya dan berterusan disebabkan oleh Kecederaan akibat Kemalangan atau Penyakit/Jangkitan yang dilindungi dan Anda tidak boleh menjalankan apa apa rutin harian atau tugas yang berkaitan dengan pekerjaan atau perniagaan biasa anda.

Melainkan dinyatakan sebaliknya, seluruh jumlah yang perlu dibayar menurut Manfaat C1 (Elaun Hospital) dan Manfaat C2 (Elaun Hilang Upaya Sementara) hendaklah tidak melebihi Jumlah Diinsuranskan/Had Liabiliti yang dinyatakan di bawah Seksyen C dalam Jadual Manfaat- Manfaat (Had Gabungan Maksimum Tahunan untuk Seksyen C).

SEKSYEN D: MANFAAT TAMBAHAN

Manfaat D1 – Elaun Pengebumian

Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat-Manfaat sekiranya berlaku kematian Anda disebabkan Kemalangan atau diakibatkan Penyakit/Jangkitan yang dilindungi.

Manfaat D2 – Bayaran Ambulans Tempatan

Kami akan membayar jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi setiap Kemalangan atau setiap Penyakit/Jangkitan yang dilindungi untuk kos ambulans darat domestik yang ditanggung untuk pengangkutan Anda ke Hospital berikutan Kemalangan atau Keadaan Perubatan Kritikal yang timbul dari Penyakit/Jangkitan yang dilindungi. **Keadaan Perubatan Kritikal** bermaksud keadaan yang menurut pendapat Kami merupakan suatu kecemasan perubatan serius yang memerlukan Rawatan pemulihan segera untuk mengelak kematian atau kerosakan serius terhadap prospek kesihatan jangka pendek atau panjang Pihak Diinsuranskan.

Manfaat D3 – Prostesis

Kami akan membayar pampasan dengan kadar maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat bagi setiap Kemalangan atau Penyakit/Jangkitan yang dilindungi untuk perbelanjaan yang Anda perlu tanggung bagi kos sebenar pembelian kerusi roda, anggota tangan atau kaki palsu, tongkat, dengan syarat setiap perbelanjaan diperlukan untuk membantu mobiliti Anda dan disyorkan oleh Doktor/Pakar Perubatan/Pakar Bedah yang merawat.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN (ini perlu dibaca bersama Jadual Manfaat-Manfaat)

1. Apabila berlaku kematian Anda, bayaran hendaklah dibuat di bawah **Manfaat A1 (Kematian Akibat Kemalangan)** dan **Manfaat D1 (Elaun Pengebumian)** sahaja dan tiada bayaran akan dibuat di bawah **Manfaat B1 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan)**.
2. Apabila pembayaran **Manfaat B1 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan)** telah dilakukan, Kami akan dilepaskan daripada sebarang tuntutan lanjut, kecuali untuk perbelanjaan yang dilakukan di bawah Seksyen lain yang timbul daripada Kecederaan atau Kemalangan yang sama.
3. Sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah **Manfaat A1 (Kematian Akibat Kemalangan)** atau **Manfaat B1 (Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan)** akan dikurangkan dengan jumlah bayaran yang dibuat di bawah **Manfaat C2 (Elaun Hilang Upaya Sementara)** berkenaan dengan Kecederaan atau Kemalangan yang sama.

APA YANG TIDAK DILINDUNGI (Pengecualian ini diguna pakai untuk seluruh Polisi Anda)

1. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama perlindungan atau tarikh pengembalian semula Pihak Diinsuranskan yang mana kemudian kecuali untuk Kecederaan Akibat Kemalangan.
2. Sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang atau pendedahan diri secara sengaja kepada bahaya (selain daripada usaha untuk menyelamatkan nyawa), Kecederaan diri yang disengajakan, membunuh diri atau percubaan membunuh diri, ketika siuman atau tidak siuman.
3. Rawatan perubatan atau pembedahan melainkan rawatan yang diperlukan akibat Kecederaan anggota badan yang dilindungi di dalam skop Polisi ini.
4. Rawatan berkaitan dengan pembedahan kosmetik untuk tujuan kecantikan tanpa mengambilkira sama ada rawatan itu diberikan akibat luka kebakaran.
5. Perkhidmatan jururawat peribadi, rehat pulih atau penjagaan sanitaria, dadah/ubat-ubatan yang menyalahi undang-undang, mabuk, pensterilan, penyakit kelamin dan sekuelanya, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), sebarang penyakit berkaitan AIDS (ARC) dan Jangkitan Virus Kurang Daya Melawan Penyakit (HIV), sebarang penyakit berjangkit yang perlu dikuarantin dari sisi undang-undang.
6. Kehamilan, berkaitan dengan kehamilan atau komplikasinya, melahirkan anak (termasuk kelahiran melalui pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan dan pembedahan pranatal atau posnatum, kaedah kontraseptif kawalan kehamilan mekanikal atau kimia atau Rawatan berkenaan ketidaksuburan. Disfungsi erektil dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan impotens atau pensterilan.
7. Kemasukan hospital terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan am fizikal atau perubatan, tidak bersampingan dengan Rawatan atau dianogsis mengenai Hilang Upaya atau apa-apa Rawatan yang dilindungi yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk pengurangan atau kenaikan berat badan.
8. Kesan atau pengaruh ubat yang tidak ditentukan oleh pengamal perubatan yang berkecualan.
9. Perjalanan atau penerbangan dalam sebarang kenderaan atau peranti untuk navigasi udara, kecuali sebagai penumpang dalam kapal terbang penumpang berlesen yang diusahakan oleh syarikat penerbangan yang diiktirafkan atau sebarang penerbangan berjadual, tidak berjadual, penerbangan khas atau dicarter sahaja.
10. Perkhidmatan tentera, polis atau bomba sama ada secara tetap atau sementara dalam mana-mana negara.
11. Peperangan yang diisytihar atau tidak diisytihar atau sebarang tindakannya, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan,

perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa atau pengambilan kuasa secara militari.

12. Rusuhan atau kekacauan awam yang Anda sertai secara aktif.
13. Penyinaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear yang disebabkan oleh pembakaran bahan api nuklear.
14. Bahan letupan yang radioaktif atau bahan berbahaya lain dari sebarang bahan api nuklear atau komponen bahan nuklear.
15. Kecederaan atau Penyakit/Jangkitan yang timbul daripada aktiviti menyalahi undang-undang, terlibat atau mengambil bahagian dalam sebarang sukan profesional, sebarang jenis perlumbaan (melainkan jalan atau berlari) atau aktiviti atau sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada apa-apa jenis meluncur, terjun udara, terjun tapak, terjun bukit, terbang dalam pesawat udara tanpa lesen atau sebagai pelajar, seni mempertahankan diri, daki bebas, daki tembok, mendaki gunung (yang memerlukan Penggunaan tali atau khidmat pemandu arah), aktiviti bawahair yang memerlukan Penggunaan alat-alat pernafasan, luncur air, selam skuba hingga kedalaman lebih 10 meter, mendaki hingga ketinggian melebihi dua ribu lima ratus (2,500) meter, lompat bungee, mendaki ngarai, luncur tangan, luncur udara atau 'microlighting', terjun paracut, meneroka gua (pot-holing), sukan selam tanpa sut, pemburuan 'big game' atau pemburuan yang menggunakan sebarang kenderaan, ski dari piste atau sebarang aktiviti sukan musim sejuk yang dijalankan di piste.

SYARAT-SYARAT AM

1. Pengeubahan

Kami berhak untuk membatalkan atau meminda semua atau mana-mana bahagian terma dan syarat dan peruntukan Polisi Anda dengan memberikan Anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu. Pindaan sedemikian akan dilaksanakan dari Pembaharuan Polisi ini yang seterusnya. Tiada pengubahan kepada Polisi ini akan sah kecuali Diluluskan oleh Kami dan kelulusan itu diendoskan ke atasnya. Kami akan menentukan cara komunikasi yang kami anggap sesuai. Kami tidak akan mengubah Polisi Anda semata-mata hasil daripada tuntutan peribadi Anda. Walau bagaimanapun, Kami akan membuat perubahan hanya untuk mencerminkan sebarang perubahan masa lalu atau yang dijangkakan dalam pengalaman tuntutan. Tujuan pindaan sedemikian adalah untuk mencari, sejauh mungkin, untuk mengekalkan tahap dan jenis perlindungan yang diberikan sementara memastikan harga Perlindungan kekal berpatutan.

Kami juga boleh menukar Premium jika perlu disebabkan perubahan kos, cukai, peraturan atau manfaat. Sekiranya Kami dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat perubahan semasa Tahun Polisi, contohnya jika cukai baru diperkenalkan, Kami akan diwajibkan untuk berbuat demikian sebelum tarikh Pembaharuan seterusnya. Bayaran Pembaharuan Premium tidak dijamin. Kami berhak untuk menyemak semula Premium yang dikenakan pada masa Pembaharuan. Perubahan sedemikian, jika ada, akan dikenakan kepada semua Pemegang Polisi tanpa mengira pengalaman tuntutan mereka menurut penilaian risiko Kami. Kami berhak untuk menggunakan terma penajajaminan terhadap Polisi Anda pada bila-bila masa yang kami anggap perlu.

2. Syarat Pendahuluan kepada Liabiliti

Pematuhan dan pemenuhan terma, peruntukan, syarat dan Endorsmen Polisi ini adalah setakat yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan dan kebenaran kenyataan dan jawapan dalam Cadangan tersebut adalah syarat terdahulu terhadap sebarang liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini.

3. Penipuan

Anda tidak boleh bertindak dengan cara yang melibatkan penipuan. Sekiranya Anda, atau sesiapa yang bertindak untuk Anda, membuat tuntutan di bawah Polisi dengan mengetahui bahawa tuntutan itu palsu atau melibatkan penipuan dalam apa cara pun atau sekiranya sebarang Kerugian adalah disebabkan oleh perbuatan sengaja Anda atau dengan pengetahuan Anda, Kami tidak akan membayar tuntutan dan semua Perlindungan di bawah Polisi ini akan dibatalkan.

4. Pembatalan

Anda boleh membatalkan Polisi anda, atau sebahagian daripadanya, pada bila-bila masa dengan memberikan kami notis secara bertulis. Pembatalan sedemikian akan berkuatkuasa pada hari pertama bulan berikutnya selepas hari penerimaan pemberitahuan. Kami akan memulangkan Premium yang diterima untuk bulan berikutnya dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa Tahun Polisi semasa.

Harap maklum bahawa tiada tuntutan apa jenis pun akan dipertimbangkan selepas pemberitahuan oleh Anda dan penerimaan oleh Kami tentang sebarang pembatalan.

5. Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan

Polisi ini hendaklah berkuatkuasa pada tarikh permulaan Polisi. Ulang tahun Polisi adalah satu (1) tahun selepas tarikh kuatkuasa dan setiap tahun selepas itu dan Premium Anda perlu dibayar sama ada secara ansuran atau tahunan seperti yang dipersetujui antara Anda dan Kami semasa permulaan Polisi. Pada setiap ulang tahun tersebut, Polisi ini boleh diperbaharui pada kadar Premium yang berkuatkuasa pada masa itu dan sebarang perubahan dalam Premium Pembaharuan akan dimaklumkan secara bertulis oleh Kami dengan memberi Anda notis dua puluh satu (21) hari sebelum perubahan dilaksanakan. Hendaklah tidak menjadi tanggungjawab Kami untuk memberi notis bahawa apa-apa Premium untuk Pembaharuan perlu dibayar dan Premium tersebut hendaklah dianggap perlu dibayar pada tarikh tamat tempoh Polisi.

Premium hendaklah dibayar dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tamat tempoh. Kami akan terus bertanggungjawab sekiranya premium dibayar dalam tempoh 14 hari kecuali sekiranya Kami atau Orang yang Diinsuranskan telah memberikan notis

bahawa Insurans tidak akan diperbaharui. Sekiranya Premium anda tidak dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh tamat tempoh, Polisi Anda akan tamat.

Sekiranya tuntutan yang layak dibuat semasa tahun Polisi berkuatkuasa untuk Manfaat di bawah Seksyen A dan Seksyen B, premium untuk bulan-bulan yang seterusnya yang belum dibayar untuk tahun Polisi tersebut, akan ditolak dari jumlah manfaat dan jumlah manfaat yang akan dibayar akan dikurangkan sewajarnya.

Polisi ini akan diperbaharui berdasarkan pilihan Anda tertakluk kepada terma dan syarat dan penamatan pada setiap tarikh ulang tahun Polisi. Polisi ini boleh diperbaharui berdasarkan pilihan Anda sehingga berlakunya mana-mana yang berikut:-

- a) tiada pembayaran Premium atau Premium tidak dibayar mengikut tempoh;
- b) penipuan atau salahnyata fakta material semasa permohonan;
- c) pembatalan Polisi;
- d) Anda telah mencapai had umur perlindungan yang ditentukan;
- e) atas kematian Anda; dan
- f) pengeluaran produk Polisi ini dari pasaran atas sebarang sebab.

6. Pembayaran Manfaat-Manfaat

Sebarang manfaat yang dibayar di bawah Polisi ini akan dibayar kepada benefisiari atau penama yang dinamakan oleh Anda atau kepada wakil diri sah Anda sekiranya berlaku Kematian terhadap diri Anda.

7. Duplikasi Perlindungan

Anda hanya layak untuk satu Perlindungan di bawah polisi ini dalam mana-mana satu Tempoh Insurans. Sekiranya terdapat dua atau beberapa Perlindungan dibeli untuk risiko yang sama, Kami berhak untuk membayar tuntutan di bawah mana-mana satu polisi dan dengan serta-merta membatalkan dan memulangkan premium yang dibayar untuk polisi atau polisi polisi yang selebihnya kepada Anda.

8. Tempoh Bertenang

Jika atas sebab apa pun Anda membuat keputusan untuk tidak mengambil Polisi, Anda boleh memberitahu Kami dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh permulaan Polisi. Kami akan membuat bayaran balik penuh premium dibayar sekiranya tiada tuntutan telah dibuat, tuntutan masih belum selesai dibawah Polisi ini.

9. Timbangtara

Jika apa-apa pertikaian tersebut berkaitan dengan takat Hilang Upaya Menyeluruh Kekal bagi tujuan Polisi ini, penimbangtara dan wasit hendaklah merupakan pengamal perubatan yang berkelayakan.

10. Syarat Penarikan Balik Portfolio

Kami berhak membatalkan portfolio secara keseluruhan jika Kami memutuskan untuk menghentikan penajajaminan Polisi ini. Pembatalan portfolio secara keseluruhannya akan dimaklumkan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi melalui mana-mana cara komunikasi yang kami anggap sesuai. Kami akan menghabiskan semua Polisi hingga tamat tempoh perlindungan dalam portfolio.

11. Pemberitahuan Tuntutan

Sekiranya berlaku Kemalangan, Kecederaan, Kerugian atau liabiliti atau Penyakit/Jangkitan yang mungkin menimbulkan tuntutan, Anda mesti:

- (a) memberi notis bertulis kepada Kami tentang sebarang tuntutan di bawah Polisi ini dengan butiran lengkap kejadian dan Hilang Upaya serta- merta dalam kes kematian atau dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari kejadian dalam kes Kecederaan anggota badan atau Penyakit/Jangkitan.
- (b) memastikan nasihat perubatan dan pembedahan yang betul diperolehi dan dipatuhi oleh Anda atau ahli keluarga Anda secepat mungkin selepas sebarang Kemalangan, Kecederaan atau Penyakit/Jangkitan.
- (c) atas perbelanjaan Anda, atau atas perbelanjaan sesiapa yang mewakili Anda, memberikan Kami semua laporan, sijil, maklumat dan dokumen lain seperti yang Kami perlukan.

Kami berhak untuk meminta:-

- (a) pemeriksaan oleh pengadil perubatan yang dilantik oleh Kami untuk Kecederaan yang tidak menyebabkan kematian
- (b) pemeriksaan bedah siasat sekiranya berlaku kematian.

12. Undang-undang Pentadbiran

Polisi ini dikeluarkan di bawah undang-undang Malaysia dan tertakluk dan ditadbir oleh undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

13. Fasal Had Sekatan

Tiada syarikat insurans atau reinsurans boleh dianggap memberi perlindungan dan tiada syarikat insurans atau reinsurans bertanggungjawab membayar sebarang tuntutan atau memberi sebarang manfaat di bawah polisi ini sekiranya peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan syarikat insurans atau reinsurans kepada mana-mana sekatan, larangan atau batasan di bawah resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC), undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat atau Malaysia.

